


HARIMAU MALAYA

— BIOGRAFI —

Tengku Mahmood Mahyiddeen



MOHD. ZAMBERI A. MALEK

259

H

HARIMAU MALAYA

B I O G R A F I

Tengku Mahmood Mahyiddeen

MOHD. ZAMBERI A. MALEK

PUSTAKA PERDANA



1002282

**PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 1999**

K a n d u n g a n

Senarai Gambar . . . 11
Liku-liku Kehidupan . . . 13
Prakata . . . 15

BAB 1. PEMBELA BANGSA MELAYU

Pengenalan . . . 17 • Runtuhnya Sebuah Negeri Melayu . . . 22
• Hilanglah Kedaulatan Raja Patani . . . 28 • Putera Mahkota
Patani . . . 34 • Pembela Masyarakat Melayu . . . 40
• Penguasa Pelajaran Kelantan . . . 44 • Kemajuan Sistem
Pendidikan . . . 48

BAB 2. PERJUANGAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

Menentang Serangan Jepun . . . 54 • Siaran Melayu All India
Radio . . . 59 • Pemimpin Force 136 di India . . . 62 • Agen
Perisik di Tanah Melayu . . . 68 • Selamat Pulang ke Tanah
Air . . . 78

BAB 3. PEJUANG PEMBEBASAN ISLAM PATANI

Masyarakat Islam Patani . . . 87 • Penglibatan dalam
GEMPAR . . . 93 • Penyatuan Patani dengan Tanah
Melayu . . . 104 • Sikap British Terhadap Patani . . . 113
Komunis Menghalang Perjuangan . . . 123 • Kegagalan
Memperjuangkan Patani . . . 135

BAB 4. PATRIOT NEGARA YANG DILUPAI

Dato' Paduka Mahkota Kelantan . . . 146 • Ahli Majlis
Mesyuarat . . . 149 • Ketokohan dan Prinsip
Perjuangan . . . 152 • Perjuangan Harimau Malaya . . . 158
Hilang Sudah Simbol Kebanggaan . . . 164

BAB 5. PANDANGAN MEREKA YANG MENGENALINYA

Tengku Jauhar Ratul Maknu . . . 168 • Tengku Sulaiman
Sharifaddeen . . . 169 • Jeneral (B) Tan Sri Dato' Ibrahim
Ismail . . . 170 • Mohamad Zain Jaafar . . . 171 • Haji Muhamad
Amin Haji Sulong . . . 173 • Haji Abdul Latif Syeikh
Hussein . . . 173

Bibliografi . . . 175

Indeks . . . 179

P r a k a t a

Segala puji-pujian bagi Allah SWT. Selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW. Para keluarga serta sahabat baginda yang muttaqin.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat menyempurnakan penulisan buku ini. Untuk menulis biografi seorang tokoh tanah air yang lain mungkin agak mudah dan tidak banyak kesulitan. Dalam menghadapi masalah mengumpul dan mendapatkan maklumat peribadi Tengku Mahmood Mahyiddeen, saya menemui berbagai-bagai kesukaran. Pemergiannya yang sudah begitu lama, begitu juga sahabat seperjuangannya sudah ramai yang telah tiada menyebabkan maklumat yang diperolehi agak terbatas. Maklumat daripada waris terdekat, sanak-saudara, sahabat-handai dan rekod-rekod catatan, misalnya dari Perpustakaan School of Oriental and African Studies, Universiti London, turut membantu. Justeru itulah nama beliau semakin terseret hilang dan luput daripada ingatan masyarakat khususnya generasi kebelakangan ini yang tidak mengenali siapakah Tengku Mahmood Mahyiddeen.

Bagi saya, nama Tengku Mahmood Mahyiddeen sejak kecil lagi berada dalam ingatan kerana arwah ayah dan bapa saudara saya sering menceritakan dan menyebut nama beliau sebagai Tengku Mahmood atau kadang kala Tengku Mahyiddeen saja. Begitu juga tentang Tengku Abdul Jalal dan kakandanya Tengku Petra, anakanda Tengku Abdul Mutalib, Raja Teluban, Patani. Kenapa kampung dan keluarga saya ini menjadi pilihan Tengku Jalal untuk berlindung, tidaklah saya ketahui. Yang jelas datuk saya Haji Ahmad, Naib Kadi Cangkat Jering mempunyai hubungan keluarga dengan Tengku Jalal di Patani.

Kehidupan Tengku Mahmood Mahyiddeen penuh aktiviti perjuangan, dari tahun 1933-41 menjadi Penguasa Pendidikan Negeri Kelantan, 1941-45 menjadi pemimpin *Force 136* di India, selepas perang 1945-49 pemimpin GEMPAR yang memperjuangkan kemerdekaan Patani dan dari tahun 1949-54 memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Dengan itu, ketokohnya meliputi pelbagai bidang seperti pendidikan, ketenteraan, pergerakan sukarela, perjuangan politik dan kemerdekaan.

Semoga kelahiran buku ini dapat mengembalikan ingatan masyarakat Malaysia masa kini terhadap tokoh pejuang kemerdekaan yang membela kesucian agama Islam, martabat bangsa Melayu dan tanah air yang terjajah. Kesungguhan dan kegigihan

beliau haruslah diteladani generasi sekarang betapa pahit getir serta ranjau berduri yang diharungi oleh pejuang-pejuang bangsa yang terdahulu sebelum negara ini beroleh kemerdekaan. Bagi keturunan Melayu Patani, saya menyeru supaya perjuangan Tengku Mahmood Mahyiddeen yang dirakamkan dalam buku ini menjadi lambang dan simbol kepada perjuangan kemerdekaan dari titisan keringat, darah dan air mata mereka.

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan ini terutamanya kepada anakandanya Tengku Sulaiman Sharifaddeen, Puan Sri Tengku Jauhara Ratul Maknu dan anakandanya yang lain. Ucapan terima kasih yang khusus kepada Prof. Madya Dr. Nik Anuar Nik Mahmud, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang saya banyak merujuk karya-karya penulisan beliau. Sahabat-sahabat beliau, Yang Berbahagia Jeneral (B) Tan Sri Ibrahim Ismail, Mohamad Zain Jaafar, Haji Abdul Latif Syeikh Hussein (Tuk Kelaba), Haji Mohamad Amin Haji Sulong, Tengku Juhara Tengku Abdul Mutallib dan ramai lagi telah memberikan bantuan. Maklumat juga diperolehi dari arwah ayah saya Abdul Malek Haji Ahmad, bapa saudara saya arwah Pak Ngah Haji Zakaria Haji Ahmad, Pak Su Adnan, Pak Anjang Khalil dan nama-nama mereka yang tidak dapat disebutkan di sini. Terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh, Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar) UKM, pihak Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Penerbit UKM. Mereka adalah Hasrom Haron, Roosfa Hashim dan Zurina Mior Ibrahim, tanpa bantuan mereka buku ini tidak akan terhasil dengan sempurna. Hanya ucapan terima kasih saja dapat saya abadikan. Selamat membaca.

MOHD ZAMBERI A. MALEK

Perak Darul Ridzuan.

26 September 1998